

Bab 1

Sejarah awal parti politik UMNO

“ dalam pekerjaan menyatupadukan umat jelata Melayu, bukan saya (Dato' Onn) menyatakan dan dunia mengaku bahawa PEKEMBER telah mengambil langkah yang pertama”!

Ucapan ini disampaikan oleh Dato' Onn Jaafar semasa berucap dalam majlis makan malam yang diadakan di Kelab Negeri Sembilan semasa penutupan Agung PEKEMBER ke -5 di Seremban pada 3 Mac 1947. Intipati ucapan di atas ialah sebuah cetusan rasa pemimpin UMNO yang berkaliber perihal pentingnya kewujudan UMNO yang direstui oleh semua pihak. Sejak awal penubuhan UMNO, parti ini telah menempuh pelbagai halangan dan kecaman daripada semua pihak. Bab ini akan memperihalkan tentang kemunculan awal parti-parti Melayu yang berbaur nasionalisme hingga kepada kemunculan UMNO sebagai parti tulen pembela nasib bangsa Melayu. UMNO adalah kemuncak kepada kesedaran politik Melayu yang telah bermula sejak awal kurun ke-20.

Kesedaran awal nasionalisme Melayu

Kesedaran awal orang Melayu telah berlaku sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, namun semaraknya semangat mereka hanya meletus apabila aliran nasionalisme mulai menebal di sanubari mereka. Pada tahap awal, rasa tidak puas hati orang Melayu sering diluahkan melalui medium seperti orang persendirian, pendidikan dan akhbar yang secara tidak langsung mendapat pengaruh daripada dalam atau luar rantau Tanah Melayu ini. Sungguhpun begitu, kesedaran yang amat dikendakkan oleh bangsa Melayu harus bersifat penyatuan, kebangsaan dan tidak

meninggalkan aspek kemelayuan yang bertunjukkan kepada satu bangsa, satu ras, satu agama, satu negara dan sebagainya.

Berikut adalah pendapat Hans Kohn mengenai nasionalisme:

"Nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan fikiran yang meresap masuk ke dalam jiwa sebahagian besar rakyat dan didakwa menyerap masuk di kalangan semua anggota; dia mengiktiraf negara-negera sebagai bentuk organisasi yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi."²

Penjelasan yang menarik turut diberikan oleh Profesor Ramlah Adam dalam bukunya *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, iaitu nasionalisme Tanah Melayu merupakan gerakan yang bersifat tempatan bagi menuju ke arah pembentukan sebuah negara bangsa. Gerakan ini sewajarnya mengambil kira kepentingan politik tempatan dan bergerak ke arah membina satu kesatuan yang bersifat tempatan, hanya selepas 1946 baru terdapat gerakan jelas daripada bangsa asing untuk bergiat dalam politik atau nasionalisme tempatan.³ Penerangan mengenai nasionalisme ini perlu, bagi membolehkan kita mengenal pasti parti politik mana yang telah menjalankan dasar yang berbaur kebangsaan dan nasionalisme.

Walaupun semangat nasionalisme wujud selepas tahun 1946, namun ini tidak memberi makna yang tiada persatuan politik pada tahun-tahun sebelumnya. Pertumbuhan persatuan politik yang bersfungsi untuk membela tanah air bermula apabila Kesatuan Melayu Singapura (*Singapore Malay Union*) ditubuhkan oleh Inche Muhammad Eunos Abdullah⁴ pada 1926. Pertumbuhan ini ditubuhkan sebagai tindakan kepada keadaan yang agak daif daripada segi ekonomi, sosial mahupun politik di kalangan orang Melayu, tetapi semua ini bukan bermakna sebelum ini

tiada kesedaran kebangsaan di kalangan orang Melayu, cuma kesedaran ini tidaklah begitu menonjol dan bersatu.⁵

*"The Malays began to analyse their economic position more intelligently and began to see the cause and factors, that led to their poverty."*⁶

Selain itu, persatuan ini juga mengambil langkah bijak dengan memilih untuk menumpukan perhatian mereka kepada memperkuatkan sendiri masyarakat Melayu. Mereka semakin menyedari akan kemunduran pelajaran dan ekonomi orang Melayu yang enggan menerima pendapat orang lain terutamanya menyentuh aspek pembaharuan agama, manakala bagi birokrat berpengetahuan Inggeris pula tidak gemar campurtangan dan lebih suka mengambil langkah tunggu dan lihat kerana kepentingan mereka telah dipenuhi oleh British.⁷

Pada tahap ini kepentingan agama masih dititikberatkan dalam persatuan ini, namun turut diselitkan kepentingan ekonomi dan politik yang dianggap sebagai elemen tidak penting. Pelbagai perubahan telah dilakukan oleh persatuan ini untuk membela nasib orang Melayu yang dirasakan agak membimbangkan pada masa itu:

*"After twenty six years, we see not equality of terms as between the Malays and Europeans in the services... The favoured treatment is not confined to the senior European officers of the service but also is extended to every European in the employment of the state. In the Matter of Salary, housing, sitting of quarters, there is a complete disregard for equality of terms..."*⁸

Sebenarnya pada masa itu kesedaran yang ada dalam diri orang Melayu untuk berpersatuan agak rendah kerana sehingga tahun 1937 hanya Persatuan Melayu Singapura ini sahaja yang ditubuhkan untuk membela nasib orang Melayu di Singapura, ditambah apabila kedudukan orang Melayu dalam pemerintahan British tidak banyak berubah dan golongan nasionalis ini masih menggunakan medium surat khabar untuk menyebarkan pendapat mereka.⁹

Menjelang tahun 1937, kesedaran orang Melayu lebih bertunjangkan kepada soal perubahan ekonomi dan sosial, ini berikutan pada masa itu telah berlaku *trauma* dalam politik di Tanah Melayu apabila kemunculan Jepun, perperangan di Eropah, dan kesedaran kebangsaan yang agak radikal oleh Indonesia serta golongan berpendidikan Inggeris yang merasakan orang Melayu perlu berubah. Beberapa buah cawangan Persatuan Melayu Singapura ditubuhkan di negeri-negeri lain seperti di Melaka, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan *Province Wellesley*. Persatuan-persatuan lain yang turut ditubuhkan ialah Persaudaraan Sahabat Pena (*Brotherhood of Pen Friend*) yang ditubuhkan pada 1934 dan mengikut Haji Zainal Abidin, persatuan ini bukan sebuah persatuan berbaur politik sebaliknya menitik beratkan penggunaan bahasa. Parti politik pada masa itu agak berbeza daripada segi ideologi.¹⁰

Kesedaran kebangsaan Melayu disemarakkan lagi apabila sebuah kongres telah dilancarkan pada 6 Ogos 1939 iaitu *Pan-Malayan Conference* yang melibatkan semua persatuan Melayu, kongres ini dipengerusikan oleh Tengku Ismail seorang peguam dan selaku Presiden Persatuan Melayu Selangor. Selepas kongres ini, maka terserlah semangat kebangsaan yang jitu dan bersepdu di kalangan bangsa Melayu.

"The Malays as a race have not yet fallen and, with the existence of the Malay political associations, they can regain the political and civic rights which have slipped from their hands""

Profesor Ramlah Adam, telah membahagikan nasionalisme Melayu kepada empat tahap dan tahap pertama iaitu pada 1941-1945, menonjolkan kemunculan golongan radikal, seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM), sebuah parti berhaluan kiri yang telah ditubuhkan sejak tahun 1938 lagi di Perak. Pada tahap ini

nasionalisme di Tanah Melayu agak matang berbanding kegiatan sebelumnya.¹² KMM yang diwujudkan sejak pendudukan Jepun telah memperlihatkan peranan radikal Melayu yang menonjol sekali terutama mereka yang terlibat ialah Ibrahim Haji Yaacob, Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Ishak Haji Mohammad yang semacam mengambil kesempatan ke atas pendudukan Jepun untuk mendapat tempat dalam gerakan nasionalisme itu.¹³

Penindasan Jepun terhadap penduduk tempatan menyebabkan pertubuhnya *Malayan People's Anti Japanese Army* (MPAJA) yang kemudiannya berkerjasama dengan dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Pada tahap awal kumpulan ini menjalankan gerakan gerila di dalam hutan untuk mendapat lebih sokongan. KMM merupakan satu persatuan politik yang diwakili oleh nasionalis kiri yang amat membenci dengan penindasan penjajahan Inggeris yang pada mulanya datang dengan diundang sebagai pelindung dan pegaman, tetapi kemudiannya telah bertukar menjadi penjajahan yang liar. Pemimpin dan ahli KMM ingin menjadikan kesatuannya penyelamat bangsa Melayu dan tanah air daripada penjajahan asing, khususnya Inggeris.¹⁴

Strategi yang digunakan oleh mereka ialah dasar berbaik-baik dengan Jepun, bertugas sebagai perisik dan pemberi maklumat semasa penaklukan Jepun di Tanah Melayu. Ibrahim Haji Yaacob telah diberi jawalan sebagai ketua pengarang *Semangat Asia* bersama Ishak Haji Mohamad sebagai propagandis bagi perluasan kuasa Jepun dalam konsep *Kawasan Kemakmuran Bersama Asia* di Asia. Jawatan yang kecil tidak memadai bagi seorang berjiwa besar seperti Ibrahim Haji Yaacob, maka beliau telah dilantik mengetuai pasukan Guyu gun dan Guyu tai iaitu sebuah

pasukan sukarela tentera tempatan yang membantu Jepun. Beliau juga telah dilantik menjadi penasihat hal ehwal orang Melayu kepada golongan *watanahe* di Singapura.¹⁵

Walaupun kumpulan ini telah menjalankan penentangan politik yang jelas iaitu untuk menghalang pertuanan British di Tanah Melayu, dengan pengaruh daripada bekas-bekas pelarian Parti Komunis Indonesia seperti Sutan Djenain, tetapi golongan radikal ini tidak dapat meneruskan corak penentangan dalam kegiatan nasionalisme mereka semasa tempoh pendudukan Jepun. Persatuan ini telah diharamkan pada Jun 1942 iaitu enam bulan selepas penguatkuasaan penuhuhannya, alasan yang digunakan oleh Jepun ialah desakan kemerdekaan yang diluahkan oleh salah seorang pemimpin KMM iaitu Mustapha Hussein. Akibatnya Mustapha Hussein telah dibelasah dan ini menimbulkan rasa kecewa di hati Ibrahim Haji Yaacob dan merasakan kemenangan Jepun menduduki Tanah Melayu bukanlah kemenangan golongan radikal Melayu.¹⁶

Golongan kanan pula pada tempoh pemerintahan Jepun terdiri daripada mereka yang bekerjasama dengan British. Golongan ini telah diberi taraf sosial ekonomi yang tinggi dan berbeza dengan rakyat tempatan, berikutan dasar pecah dan perintah yang dimulakan oleh British. Secara langsung kedua golongan yang mewakili rakyat berbangsa Melayu pada zaman pemerintahan Jepun menjadi lemah berikutan sikap mengikut sahaja perintah Jepun dan semacam berpuas hati dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Jepun. Sama ada golongan kanan atau golongan kiri telah menjadi pegawai kerajaan yang tidak banyak kerena dan pro penjajahan.

Jepun. Tempoh inilah yang menyaksikan kegiatan nasionalisme Melayu sekata kerana Penduduk Tanah Melayu berkerjasama menyokong Jepun.¹⁷

Pendudukan Jepun telah mencetuskan satu sikap untuk mencapai kemerdekaan (usaha untuk mendapat kemerdekaan bersama dengan Indonesia) yang berlarutan sepanjang pertengahan 1945 dan ianya hasil kerjasama golongan kiri dan kanan. Kesatuan Rakyat Indo Semenanjung (KRIS) turut ditubuhkan dengan restu Jepun. Bagaimanapun, hasrat untuk merdeka bersama Indonesia tidak kesampaian berikutan Indonesia mengistiharkan kemerdekaan dua hari lebih awal iaitu 15 Julai 1945, namun perasaan kekitaan yang disemai oleh golongan kanan dan kiri ini harus diberi pujian dan merupakan langkah awal penyatuan politik di Tanah Melayu.¹⁸

Di Sabah dan Sarawak, kesedaran politik timbul selari dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Kekurangan pendedahan sebelum Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, bukanlah alasan untuk kita membuat interpretasi tentang kecetakan kesedaran politik mereka. Pada 1927, Persatuan Melayu Miri telah ditubuhkan, atas desakan yang dikelolakan oleh medium akhbar seperti *Fajar Sarawak* yang sering memberi idea membina dan bernas kepada persatuan ini. Persatuan ini turut sama terlibat semasa penularan kuasa Jepun dan sesuatu yang membanggakan apabila persatuan ini turut menghantar wakil semasa Kongres Kedua bagi Persatuan-persatuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang bertempat di Singapura pada 1940.¹⁹

Pada 14 Ogos 1945, Jepun menyerah kalah dan berakhirlah pemerintahan Jepun di Tanah Melayu yang telah memakan masa lebih kurang tiga setengah

tahun itu. Pemerintahan Jepun itu telah mewujudkan satu kekosongan dalam ruangan pemerintahan di Tanah Melayu. Pada saat itu, pihak Komunis yang berlambangkan ‘Bintang Tiga’ telah mengisi kekosongan itu dengan cuba menguasai negara ini. Walaupun ‘Bintang Tiga’ hanya dapat menawan negara ini lebih kurang dua minggu saja, tetapi ia telah cukup mendatangkan kesan yang mendalam dari segi hubungan kaum antara orang Cina dan Melayu.²⁰

Menurut Profesor Ramlah Adam dalam bukunya *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*, beliau memperihalkan bahawa semasa pendudukan Jepun orang Melayu tidak semuanya bersatu padu dan berada dalam suasana pecah belah, dapatlah disimpulkan bahawa zaman ini bukanlah puncak kesedaran politik Melayu. Penentangan terhadap *Malayan Union* lebih tepatlah dikatakan sebagai gerakan yang melibatkan semua lapisan masyarakat khususnya orang Melayu.²¹ Saya turut bersetuju dengan pendapat Profesor Ramlah Adam dan satu tanggapan ringkas dapat dibuat iaitu rasa tidak puas hati terhadap gagasan *Malayan Union* telah melahirkan *United Malay National Organisation* (UMNO) atau Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Manakala, nasionalisme pada tahap II (1946-1948), III (1949- 1951) dan IV (1951-1957)²² merupakan satu corak pergerakan protes semula orang Melayu terhadap kuasa imperialism barat. Saya akan cuba memperincikan perkara ini, yang antara lain menyerlahkan persaingan antara puak kanan dan kiri Melayu. UMNO mulai memperlihatkan peranannya pada ketika ini terutamanya dalam era untuk mencapai kemerdekaan.

Kegiatan UMNO sehingga 1951

Protes orang Melayu yang paling hebat ialah penentangan terhadap gagasan *Malayan Union* yang sudah tidak asing lagi kepada rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu. Bagi mereka yang hidup sezaman dengan *Malayan Union* sehingga kini masih terdengar-dengar kelantangan suara orang Melayu dan terpandang-pandang lagi tindak-tanduk orang Melayu dalam usaha mereka menghapuskan *Malayan Union*.

Pemerintahan Jepun yang diganti dengan corak pemerintahan sementara yang dikenali sebagai BMA (*British Military Administration*). BMA tiba pada awal September dan bertujuan untuk memulihkan keadaan yang tidak tenteram di Tanah Melayu. Pada masa itu berlaku penangkapan ke atas ketua-ketua orang Melayu kerana bekerjasama dengan Jepun dahulu dan kejadian ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kecewa di kalangan orang Melayu. BMA hanyalah sementara waktu dan kedatangan semula British ke Tanah Melayu membawa bersama-sama mereka satu corak pemerintahan baru yang dikenali sebagai *Malayan Union* atau Kesatuan Malaya.²³

Rancangan-rancangan bagi perubahan politik di Tanah Melayu selepas perang telah dirancangkan oleh British sejak tahun 1943. Rundingan ini telah dibuat di antara Whitehall (Pejabat Tanah Jajahan) dengan Pejabat Perang sejak Februari 1943. Kedua-duanya memutuskan untuk menubuhkan Yunit Perancang Tanah Melayu (*The Malayan Planning Unit*). Rancangan ini dikenali sebagai *Reconstruction of Malaya*.²⁴

Gabenor *Malayan Union* ditabah pada 1 April 1946 (*April Fool Day*) dan pentadbirannya akan dibantu oleh sebuah badan penasihat yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa yang dilantik oleh Gabenor sebelum kedua-dua Majlis dikuatkuasakan. Sistem keadilan pula terdiri daripada sebuah Majlis Tinggi yang ditubuhkan di Tanah Melayu dan Singapura.²⁵

Raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa terhad dalam bidang adat istiadat dan agama Islam serta mengeluai Majlis Penasihat Melayu yang ahli-ahlinya dilantik dengan persetujuan Gabenor dan ahli kepada *Central Advisory Council* yang diketuai oleh Gabenor. Perubahan yang dimaksudkan seperti kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai Ketua Negeri-negeri Melayu dipindah ke tangan Raja England (hak rakyat Melayu sebagai anak jati Tanah Melayu dibahagi sama rata dengan orang-orang asing).

Pelbagai perkara baru diperkenalkan oleh British melalui *Malayan Union*, umpannya yang paling penting ialah menyentuh soal kerakyatan. Kerajaan British mengalakkan kerakyatan secara *jus soli* atau satu kewarganegaraan meluas. Secara langsung, melalui syarat kewarganegaraan, *Malayan Union* telah mengancam ketenteraman milik masyarakat tempatan yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu. Perasaan marah apabila syarat kewarganegaraan dibuka kepada bangsa lain.²⁶

Selain itu, mengikut Mohd Noordin Sopiee, keinginan kerajaan Inggeris menyediakan *Malaya* berkerajaan sendiri ialah kerana hasratnya untuk memuaskan hati Amerika Syarikat yang banyak membantu British dalam bidang ekonomi dan politik.²⁷ Tetapi ini bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan British

menubuhkan *Malayan Union*. Secara langsung, pengenalan pentadbiran baru ini telah menghapuskan hak orang Melayu di negara mereka.

Sir Harold Mac Micheal telah dihantar untuk menandatagani perjanjian dengan Raja-raja Melayu pada Oktober 1945. Sir Harold Mac Michael telah menggunakan ancaman dan tidak membenarkan Raja-raja Melayu mendapat nasihat yang cukup daripada Majlis Mesyuarat Negeri. Orang Melayu juga menentang kchilangan kedaulatan Raja-raja Melayu, kerana kclak akan menjadikan mereka ini golongan minoriti di negara mereka dan ditambah dengan syarat kewarganegaran yang agak longgar.²⁸

Panglima Bukit Gantang, seorang pembesar Perak telah melaporkan bahawa Perikatan Melayu Perak telah memohon D.Y.M.M Sultan Perak agar surat perjanjian persetiaan yang dibawa oleh Harold Mac Micheal di serahkan kepada mahkamah untuk dibatalkan. Jika Sultan uzur, maka segala perbelanjaan akan ditanggung oleh Perikatan Melayu Perak.²⁹

Penentangan yang dilakukan oleh orang Melayu agak meluas dan melibatkan orang perseorangan, secara berpersatuan, melalui surat, telegram dan demonstrasi. Orang Melayu dari seluruh negeri Melayu telah menunjukkan bantahan mereka, kecuali Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang menyokong *Malayan Union* dalam soal kerakyatan sama rata di antara orang Melayu dan bukan Melayu lahir di kepulauan Melayu.³⁰

Perasaan marah dicetuskan dengan bantuan medium seperti akhbar-akhbar yang terkemuka seperti akhbar *Utusan Melayu*, *Majlis*, *Malay Mail*, *Pelita Malaya* dan sebagainya.

"The Pelita Malaya, furthermore, criticised the British government because of its high-handed policy in conceiving the plan in London without consulting the people of Malaya".

"The Pelita Malaya hoped the Malay masses (including the Sultans) would give their full support to UMNO so that could effectively defend the political rights of Malays. "³¹

Akhbar Majlis amat berperanan besar dalam usaha membangkitkan semangat orang ramai, akhbar ini berperanan untuk menyebarkan segala berita dan pendapat mengenai Malayan Union. Di bawah teraju Yunus Hamidi selaku ketua pengarang dan Setiausaha Persatuan Melayu Selangor, akhbar ini telah menjadi medan untuk melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap pemerintahan Malayan Union. Akhbar ini turut mempersoalkan kesan *jus soli* yang menghantui kaum Melayu:

"rather than making us dependent on disappointed, it has accenderated our desire and strengthen our determination to continue the national struggle."³²

Protes terhadap Malayan Union dilakukan dengan hebat dan teliti oleh orang Melayu termasuk dikalangan kaum wanita, yang rancak melaungkan slogan "Long Live Malays", "Damn with the Mac Michael treaties", dan "Michael Employed Japan Diplomacy". Lihat petikan dibawah:

"Kamu telah merosakkan di dalam empat minggu suatu perkara yang kami telah mengambil masa 80 tahun bagi membenarkannya".³³

Di Selangor, kesedaran orang Melayu juga tidak kurang hebatnya. Persatuan Melayu Selangor telah memainkan peranan penting dengan menghantar telegram bantahan ke London pada 17 Januari 1946. Terdapat 12 buah persatuan Selangor yang menentang Malayan Union, antaranya Darul Ehsan Club, Persatuan

Penghulu Selangor, Persatuan Guru-guru Melayu dan banyak lagi.³⁴ Ini adalah satu jumlah yang besar berbanding negeri-negeri lain dan menunjukkan kepada kita bahawa kesedaran ini berlaku di semua peringkat masyarakat Melayu tidak mengira status dan darjah.³⁵

Sementara itu, sebelum penubuhan UMNO, *Malayan National Party* (MNP) dianggap sebagai pertubuhan awal yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua, tetapi pertubuhan ini tidaklah sehebat UMNO yang bersatu membela nasib bangsa Melayu daripada penjajahan British.

"The first national organisation of Malay to be established after second World War was the MNP (Parti Kebangsaan Melayu Sa- Malaya)",³⁶ iaitu pada Oktober 1945 dan keahliannya tidak begitu ramai.

Negeri Johor telah memainkan peranan yang agak penting, berikutan daya usaha Dato Onn bin Jaafar, Pegawai Daerah Batu Pahat, telah menjadikan gerakan penentangan *Malayan Union* itu sebagai satu kegiatan nasional yang telah mengabungkan semua tenaga orang Melayu untuk menentang *Malayan Union*. Berbekalkan keberanian dan sokongan padu kawan-kawan serta bantuan daripada persatuan di Johor yang lain dan persatuan Melayu di serata negeri, Dato' Onn Jaafar telah mengetuai orang Melayu mengadakan Kongres 1946 dan seterusnya menubuhkan persatuan kebangsaan bagi orang Melayu iaitu UMNO.³⁷

Tindakan Dato' Onn Jaafar ialah mengadakan mesyuarat di dua tempat berasingan di Johor iaitu di Gunung Saga pada 15 November 1945 dan Kelab Batu Pahat. Kebimbangan orang Johor menyebabkan Dato' Onn menghantar surat kepada Utusan Melayu pada 23 Jun 1946, akhirnya dengan mandat yang diberikan

rakan-rakan dan penyokong, maka Dato' Onn telah memikul tanggungjawab untuk memimpin orang Melayu membantah *Malayan Union*.³⁸

Liputan akhbar turut memainkan peranan penting mendesak supaya diadakan Kongres Melayu Se- Malaya. Semua ini disambut baik oleh persatuan-persatuan Melayu di setiap negeri. Di samping itu, *Utusan Melayu* bertarikh 23hb Januari 1946 telah mencadangkan satu kongres diadakan untuk menyelesaikan masalah cengkaman *Malayan Union*.³⁹

Kongres ini telah diadakan selama empat hari bermula pada hari Ahad 1hb Mac 1946 pada pukul 10.00 pagi, berakhir pada 4hb Mac 1946 bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 150 orang wakil daripada 41 buah badan perkumpulan dengan 107 orang wakil dan 56 orang pemerhati termasuk kaum wanita. Ianya dirasmikan oleh Sultan Selangor iaitu D.Y.M.M. Sultan Hishamuddin Alam Syah. Kongres ini diselenggarakan oleh Persatuan Melayu Selangor dan lahir hasil daripada kesedaran dan *consciousness* untuk berpersatuan dengan mempunyai beberapa agenda sosial, kecuali KMM yang dipimpin oleh Ibrahim Yaacob yang mempunyai agenda politik yang tersendiri.

Disamping itu, kongres ini telah serba sedikit menjadi 'tempat' kepada semua persatuan berbaur politik atas dasar cita-cita mereka yang tidak berbeza berkumpul, tetapi terdapat persatuan nasionalis kiri yang berbeza kesahaman iaitu *Parti Kehangsaan Melayu Malaya* (PKMM) yang ditubuhkan pada 17hb Oktober 1945 dan dirancang oleh *Parti Komunis Malaya* (PKM). Persatuan ini sering bercanggah pendapat dengan persatuan-persatuan Melayu yang lain.

Perbalahan berlaku apabila PKMM tetap tidak mahu berganjak daripada konsep *Indonesia Raya* kerana mempercayai bahawa orang Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia adalah daripada rumpun bangsa, budaya dan keturunan yang sama, percantuman dengan Indonesia akan menjadikan perjuangan bangsa Melayu lebih kukuh.⁴⁰

Akhbar rasmi PKMM iaitu *Pelita Malaya* sering meluahkan perasaan tidak puas hati mereka dengan tindak tanduk pemimpin UMNO, Dato' Onn telah dituduh sebagai pemimpin kolot dan konservatif serta tidak demokratik kerana menolak *Malayan Union*.

"...Puak kiri PKMM suka perubahan, menerima Malayan Union dengan perubahan tertentu, misalnya pentadbiran agama Islam. PKMM harap satu saja mufti bagi seluruh Malayan Union supaya menjadi ketua urusan hal ehwal agama Islam..." dan "...Pakatan bantahan sebilangan besar umat Melayu itu hanyalah berkesan bagi sementara saja. Pendeknya Malayan Union akan tetap berjalan terus..."⁴¹

Bagaimanapun, kongres yang diadakan selama empat hari itu telah mencatatkan satu insiden penting dalam sejarah kebangkitan politik orang Melayu. Ini jelas seperti yang dikatakan oleh Dato' Onn di dalam ucapan penerangan umumnya di Dewan Bandaran, Kuala Lumpur pada petang 4 Mac iaitu sebelum Perang Dunia Kedua, bukanlah perpaduan sebaliknya perpecahan dan dengan adanya kongres ini maka buat pertama kalinya rakyat Melayu bersatu hati.⁴²

Namun, pada akhir bulan Mac 1946, Datuk Nik Ahmad Kamil dari Kelantan mendesak kongres mengadakan sidang tergempar selama dua hari iaitu 30-31hb Mac 1946 bagi membincangkan langkah-langkah untuk menghalang penubuhan *Malayan Union*.⁴³ Ini berikutan British tetap dengan cadangan mereka untuk menukuhkan *Malayan Union*. Kongres tergempar ini diadakan di Ibu Pejabat Majlis dan dihadiri oleh 9 orang wakil daripada sembilan buah persatuan negeri

Melayu sahaja kerana kesuntukan masa. Perkara penting yang dikeluarkan oleh mereka ialah meminta raja-raja Melayu memulau perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor *Malayan Union* pada 1 April 1946. Mereka juga meminta ahli Melayu yang dilantik bagi Majlis Mesyuarat *Malayan Union* (NMMU) menolak perlantikan itu dan orang Melayu pula telah diminta berkabung selama 7 hari.⁴⁴

Akhirnya, dengan sokongan semua lapisan masyarakat Melayu terutama raja-raja Melayu yang membantah pada mulanya satu kongres penting telah diadakan pada 11 Mei 1946, dan dihadiri oleh 29 buah pertubuhan negeri-negeri Melayu dengan 58 orang wakil dan 30 orang pemerhati. Di dalam kongres ini, Dato' Onn telah membubarkan Kongres 1946 dan mengistiharkan UMNO, ianya disambut dengan teriakan 'Hidup Melayu' oleh perwakilan, Dato' Onn telah dilantik dengan sebulat suara sebagai Yang Dipertua UMNO yang pertama. Dato' Onn telah mengesyorkan supaya satu pertubuhan kebangsaan dibentuk bagi mewakili orang Melayu untuk menentang *Malayan Union*.⁴⁵ Pertubuhan ini dikenali sebagai *United Malays Organisation* (U.M.O). Pertubuhan ini kemudian menjadi UMNO apabila ditambah perkataan 'National' oleh Zaaba atau Dato' Hamzah Abdullah, Presiden Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor (PKMS).⁴⁶

Parti UMNO telah dijadikan sebagai sebuah pertubuhan yang merangkumi semua golongan masyarakat Melayu iaitu golongan raja, orang besar dan rakyat bawahan. Raja-raja Melayu turut menyokong penubuhan parti ini. Penubuhan UMNO telah diisytiharkan di Istana Besar Johor Bahru oleh Sultan Ibrahim pada 11 Mei 1946.

UMNO telah berjuang dan berkhidmat demi kepentingan bangsa Melayu sejak ianya ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Ia bertindak sebagai ‘penjaga’ atau ‘custodian’ untuk menjamin masa depan orang Melayu. Bangsa Melayu telah menganggap UMNO sebagai benteng dan tembok kukuh yang sukar ditembusi musuh.⁴⁷

Bagi membantah *Malayan Union* secara berpelembagaan, UMNO telah melantik Dato Ronald Braddell sebagai Penasihat Undang-undangnya pada 2hb Julai 1946. Cadangan ini dikemukakan oleh Dato' Onn dengan sokongan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang. Ahmad Boestamam daripada PKMM telah mencadangkan Sardon Jubir tetapi ditolak oleh Majlis. Bayaran yang diberikan ialah \$ 1000 sehingga tahun 1949 dan diganti oleh Ahmad bin Mohamed Ibrahim pada 1950. Malangnya bayaran tidak dapat dijelaskan dan surat saran telah diberikan atas nama Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja melalui surat bertarikh 13 April 1950, akhirnya ianya dijelaskan melalui kutipan daripada pementasan UMNO Pulau Pinang dan schagainya.⁴⁸

Sejarah telah membuktikan hingga kini hanya Dato' Onn merupakan putera Melayu yang telah berjaya menyatupadukan berjuta-juta orang Melayu dan mendapat sokongan sebulat suara dan sepenuh tenaga daripada Raja dan rakyat jelata Melayu dalam perjuangan mencebus kedaulatan bangsa dan nusa daripada tergadai selama-lamanya kepada penjajah.⁴⁹

Tindakan seterusnya yang dijalankan ialah memperkenalkan satu sistem pentadbiran yang lebih baik dan effesien berbanding *Malayan Union*. Rundingan dibuat antara tiga pihak iaitu kerajaan Inggeris, Raja-raja Melayu dan UMNO di

dalam 'Working Committee' dan *Malayan Union Advisory Council*. Walaupun banyak halangan namun Dato' Onn terus berusaha dengan merangka Perjanjian Persekutuan 1948 dan dibawa ke mesyuarat agung UMNO pada 10 Januari 1947 di Alor Setar untuk dibincangkan, jika tidak beliau akan meletakkan jawatan kerana beliau sedar tidak ramai yang menyukai cadangan ini, umpamanya Seberkas Kedah dan Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ). Cadangan beliau telah dibincangkan oleh *Malayan Union Advisory Council* (MUAC) iaitu sebuah badan tertinggi dalam kerajaan *Malayan Union*. Tindakan yang agak keras oleh Dato' Onn ini dijalankan demi untuk mengatasi masalah tekanan daripada Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Sejak Jun 1946, PKMM telah menentang UMNO dan Dato' Onn dan PKMM bertindak keluar daripada UMNO kerana perbezaan ideologi. PKMM yang dikuasai oleh PKM telah menolak Persekutuan Tanah Melayu kerana tidak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.⁵⁰

Manakala, mereka yang tidak bersetuju dengan cadangan Dato' Onn telah menubuhkan PUTERA dan AMCJA yang bergabung pada September 1946. Walau bagaimanapun, langkah PKM melancarkan *hartal* pada bulan Oktober 1947 dengan mengangkat senjata menentang British, telah serba sedikit memberi keuntungan kepada pihak UMNO kerana selepas insiden itu semua parti politik radikal dan komunis diharamkan berdasarkan Undang-undang Darurat 1948. Akibatnya telah wujud kekosongan politik Tanah Melayu dan lalu diisi oleh parti politik UMNO.⁵¹

Pandangan Dato' Onn telah disokong oleh British, dan atas sebab itu Sctiausaha Tanah Jajahan menolak tuntutan *All Chinese Chambers of Commerce*

Malaya (ACCC) bagi menubuhkan Suruhanjaya Di Raja untuk mendraf perlembagaan. British telah menerima perlembagaan ini pada 21 Januari 1948.⁵²

Dato Onn sebagai wakil UMNO, menghadiri *Plenary Conference* di *King House* bersama-sama pihak British dan Raja-raja Melayu pada 20 Januari 1948. Pada peringkat ini, Dato' Onn telah mendesak peraturan dan arahan Majlis Mesyuarat Negeri dan Persekutuan dibuat dengan pengetahuan negeri Melayu. Kedua-dua syarat ini telah diterima dan pada 21 Januari 1948, Perjanjian Persekutuan 1948 ditandatagani oleh Raja-raja Melayu dan British di *King's House*, Kuala Lumpur.⁵³ Ianya diistiharkan pada 1 Februari 1948.

Demi kestabilan dan kekuahan parti politik yang unggul, UMNO telah menubuhkan gerakan Kaum Ibu pada Januari 1943 yang diperkenalkan sebagai satu pergerakan untuk menyelamatkan maruah kaum wanita Melayu. Pergerakan ini hasil usaha Che' Puteh Mariah dari Perak. Keahliannya bertambah kepada seramai 20,000 orang dengan 14 cawangan dan 8000 orang ahli sahaja di Johor.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda pula ditubuhkan selepas Darurat pada pertengahan 1948 dan diketuai oleh Hussein Onn pada Mac 1947, dengan gelaran *UMNO Youth League* (Perikatan Pemuda) yang ditubuhkan sekitar 1948-1949. Semua ini ialah usaha untuk berkerajaan sendiri dan mencapai kemerdekaan.⁵⁴

Perubahan dilakukan oleh Dato' Onn Jaafar selepas 1948 iaitu membentuk satu kerakyatan yang kemudian dipraktikkan pada tahun 1951, yang dikenali sebagai *State Nationality* dan hasilnya sebanyak 60 peratus orang bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu. Orang Melayu mulai bimbang kerana dengan ini orang bukan Melayu mempunyai kedudukan yang sama seperti orang Melayu.

Namun, Dato' Onn Jaafar sekeras-keras menafikan orang Melayu akan ditenggelami hak berpolitik mereka kerana jumlah orang Melayu di Tanah Melayu pada masa itu agak banyak iaitu sekitar 2500 000 orang.⁵⁵

Dato' Onn dan pemimpin bukan Melayu seperti Tan Cheng Lock berbincang untuk mengambil langkah-langkah dan sebuah jawatankuasa dibentuk dipanggil Jawatankuasa Perhubungan Kaum-CLC (*Communities Liaison Committee*) yang dipengerusikan oleh E.E. C. Thuraisingha (Persatuan Ceylonese Malaya), yang antara lain membincangkan perihal *jus soli*.⁵⁶

Keputusan dilakukan dalam Mesyuarat Agung UMNO di Hotel Majestic pada 27 Mei 1951. Realitinya Dato' Onn sedar perihal sikap ahli-ahli UMNO, tidak mahu mencrima orang bukan Melayu kerana ingin mengckalkan UMNO sebagai 'parti khas orang Melayu' dan terdapat segelintir orang Melayu yang masih dihantui peristiwa semasa penguasaan PKM/ MPAJA. Dato' Onn tetap berkeras dan mencadangkan keahliaan UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu pada Jun 1951.⁵⁷

Dato' Onn tidak mengenakan sebarang paksaan kepada ahli UMNO, tetapi beliau tidak mahu dicalonkan sebagai Yang Berhormat dalam Mesyuarat Tahunan UMNO pada 28hb Ogos 1951. Beliau meninggalkan UMNO setelah menjadi pengasas dan Yang Berhormat UMNO selama lima tahun.⁵⁸

Pelbagai spekulasi dicetuskan perihal keahlian Dato Onn Jaafar samada mendahului zaman, memahami inspirasi politik orang Melayu, atau adakah orang Melayu sendiri tidak memahami keadaan politik Tanah Melayu yang telah jauh

berubah. Profesor Ramlah Adam, dalam bukunya *Sumbanganmu dikenang*, mengatakan sebenarnya apa yang dilakukan oleh Dato' Onn tidak mendahului zaman tetapi perubahan yang dilakukan ialah sesuatu yang dirasakan patut dan bersesuaian untuk orang Melayu jika mereka ingin terus kekal sebagai bangsa yang berdaulat di tanah air sendiri.⁵⁹

Dato' Onn berpendapat, adalah munasabah bagi orang Melayu untuk mengubah strategi supaya orang bukan Melayu diasimilasikan dengan budaya politik UMNO dan kebudayaan Melayu seluruhnya, agar apabila mereka mahu berpolitik, UMNO dan orang Melayu boleh menjadi ketua, tetapi bagi ahli UMNO, Dato' Onn dianggap tidak lagi memahami inspirasi dan kehendak politik orang Melayu sepenuhnya.⁶⁰ Perasaan tidak puas hati terhadap Dato' Onn hingga menyebabkan penukaran pucuk pimpinan kepada Tunku Abdul Rahman selaku penggerusi UMNO (adinda Sultan Kedah). Tunku Abdul Rahman dipilih kerana kerjasama dengan British pada tahun 1946 dan berjasa dengan British untuk memujuk Dato' Onn membubarkan gerakan menentang *Malayan Union*. Penggantian Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO pada akhir 1951 telah disambut baik oleh UMNO kerana Tunku masih meneruskan dasar " Tanah Melayu untuk Melayu".⁶¹

UMNO dan Tuntutan Kemerdekaan

Apabila Tunku menjadi Yang Di Pertua UMNO, beliau telah berjanji tidak akan membuka keahlian kepada bangsa asing:

"...UMNO terdiri tetap sebagai pertubuhan siasah Melayu yang terdiri dari orang Melayu sahaja untuk mencapai faedah orang Melayu khasnya dan Tanah Melayu amnya."⁶²

Sebaliknya, kerjasama bangsa dalam politik Tanah Melayu telah dilakukan diantara parti perkauman, misalnya pembentukan kerjasama UMNO-MCA dalam Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur pada awal 1952, telah menjadi permulaan kepada konsep *Malayan* secara terbuka oleh Tunku Abdul Rahman dan memberi kesempatan kepada Tunku Abdul Rahman untuk berkerjasama dengan parti lain. Perebutan teraju politik antara UMNO yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman dan pemimpin IMP iaitu Dato Onn menjadi semakin kritikal dan telah menguntungkan parti bukan Melayu. IMP telah gagal dalam Pilihan Raya Bandaran 1952 kerana tiada kerjasama daripada MCA dan MIC. Pendekatan politik Tunku Abdul Rahman menjadi pilihan penduduk Tanah Melayu. Sebuah gabungan parti politik perkauman telah diadakan pada pertengahan 1954 dengan kemasukan *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Conggres* (MIC) pada Oktober 1946, maka rasmilah penubuhan Perikatan sebagai parti politik perkauman dan mulai menempah kejayaan pada pilihan raya 1954-1955.⁶³

Elok, kita tinjau tugas UMNO diambah kemerdekaan?

Misi Kemerdekaan ini dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman selaku pemimpin Perikatan kepada Pejabat Tanah Jajahan British melalui satu memorandum pada 8 Ogos pada 1955. Hasrat ini bermula apabila Perikatan telah menang besar dalam pilihan raya 1955 dengan 51 undi. Dua perkara yang diminta iaitu pemberian kerajaan sendiri secepat yang mungkin dan perlantikan sebuah suruhanjaya bebas bagi mendapat Perlumbagaan Merdeka.

Memorandum diserahkan kepada Setiausaha Tanah Jajahan Lennox Boyd pada 23 Ogos 1955 sewaktu Persidangan Majlis Perundangan Persekutuan. Melalui

persetujuan asas di antara Raja-raja Melayu dan Perikatan itu, satu perundingan telah dijalankan diantara perwakilan Tanah Melayu (Raja-raja Melayu dan Perikatan), Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Pesuruh Jaya Tinggi, Menteri Negeri United Kingdom daripada Januari hingga Februari 1956, di London. Raja-raja Melayu dalam perundingannya dengan British telah bersetuju membuat pertimbangan bagi meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan kemerdekaan dicapai. Raja Melayu mahu rundingan dilakukan bukan dengan wakil Perikatan sahaja, sebaliknya mereka turut mencadangkan 4 orang wakil raja-raja Melayu, 2 orang wakil Perikatan dan Peguam negara sebagai penasihat. Perikatan meminta wakilnya sama banyak dengan wakil Raja dan ianya telah dipersetujui. Hasilnya satu rundingan telah dijalankan di antara perwakilan Tanah Melayu (Raja dan Perikatan), Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Persuruh Jaya Tinggi dan Menteri Negeri United Kingdom daripada Januari hingga Februari 1956 di London.⁶⁴

Rombongan Perikatan yang dikeluai oleh Tunku Abdul Rahman bersama-sama dengan Dato' Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan II. S. Lee dan wakil-wakil Raja-raja Melayu seperti Nik Ahmad Kamil telah berangkat ke England dengan kapal *M.V. Asia* daripada pelabuhan Tanjung Pagar pada 1 Januari 1956. Persidangan ini tidak mendatangkan masalah, malahan beberapa resolusi diperuntukkan.⁶⁵

Sebuah kawat telah disediakan untuk menyambut kepulangan mereka dari London, satu pengistiharaan akan diadakan di Melaka dan perasaan gembira di sambut dengan perarakan motosikal pemuda-pemuda UMNO dan sorakan daripada

100,000 orang, Tunku Abdul Rahman bersetuju dengan semua syarat yang dikemukakan oleh British.⁶⁶

Suruhan Jaya Reid telah dibentuk oleh British untuk memenuhi aspirasi Perikatan. Lord Reid telah dilantik sebagai pengurus dan Ivor Jennings sebagai wakilnya, ahli-ahli yang lain ialah Sir William Mc Kell (Australia), B. Malik (India) dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan). Cadangan Suruhanjaya ini merupakan saduran cadangan Perikatan dan tidak begitu disetujui oleh ahli UMNO dan pengkritik seperti Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat Malaya yang mempersoalkan dasar kerakyatan *jus soli* yang membuka pintu kepada orang bukan Melayu pada dan selepas merdeka. Persoalan kerakyatan ini dianggap mengancam kedudukan orang Melayu yang dilindungi seperti diperuntukan selama 15 tahun kerana sebagai masyarakat pribumi hak mereka harus dilindungi selama-lamanya, turut menimbulkan kontroversi ialah aspek penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selepas 10 tahun merdeka, bahasa Melayu dirasakan akan terancam apabila bahasa lain turut dilindungi. Merkca juga cinggan menerima sistem pertahanan selepas merdeka yang mengikat keselamatan dalam negara selama 25 tahun selepas merdeka.⁶⁷

Perasaan tidak puas hati dikalangan sebahagian penyokong UMNO seperti pemimpin politik Melayu veteran yang masih berpegang kepada ideologi politik pada tahun 1946 telah membuatkan mereka bergabung tenaga dengan pengkritik UMNO dalam Kongres Melayu 1957 yang diadakan pada 4-7 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Sungguhpun begitu, UMNO menolak kongres ini dan menafikan kepentingannya, tetapi tindakan Tunku Abdul Rahman telah pergi

ke London pada 9hb Mei 1957 untuk merundingkan soal Suruhanjaya Reid, tidak dapat tidak memperlihatkan adanya kesan Kongres itu kepada UMNO. Tunku Abdul Rahman membawa perhatian kepada masalah kerakyatan, kedudukan Pulau Pinang dan Melaka serta kesetiaan rakyatnya selain perkara-perkara yang lain.⁶⁸

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka mulai digubal atas dasar-dasar satu Jawatankuasa Kerja mengandungi 4 orang wakil-wakil Raja Melayu, empat orang wakil Perikatan, Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Persekutuan dan Peguam Negara sebagai wakil kerajaan British untuk mengkaji cadangan Suruhanjaya Reid tanpa mengambil kira bantahan dan pandangan luar.⁶⁹

Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan British pada 5hb Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur. Pada dasarnya perjanjian ini mengekalkan struktur Perjanjian Persekutuan 1948, tambahan hanya penggantian Persuruh Jaya Tinggi British dengan Yang di-Pertuan Agong dengan bidang kuasa sebagai ketua negara, pertahanan, darurat, pendidikan kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu dan persoalan kerakyatan juga dibuka seakan *jus soli* sebagai dasarnya. Soal kehakiman bersifat tempatan tetapi *Privy Council* di England adalah kuasa kehakiman yang tertinggi di Tanah Melayu.

Pengistiharaan kemerdekaan telah dibuat pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka oleh Tunku Abdul Rahman dengan disaksikan oleh Raja-raja Melayu dan wakil kerajaan British. Laungan 'merdeka' sebanyak tiga kali semasa proses kemerdekaan ini, sedikit sebanyak menandakan tamatnya belenggu kuasa British yang mencengkam hidup masyarakat tempatan.⁷⁰

Kesimpulan asas, yang dapat dibuat ialah UMNO sebagai sebuah parti politik yang sesuai mengikut keadaan dan sejak daripada awal penubuhannya telah disesuaikan dengan kehendak dan aspirasi orang Melayu. Perkembangan UMNO di peringkat awal dapat dibahagikan kepada dua tempoh iaitu 1946-1948 dan 1948-1951. Pada tahap pertama, UMNO hanya sebagai sebuah badan gabungan dan tahap kedua menampakkan UMNO sebagai sebuah unit parti politik.

Bersetujuan dengan keadaan politik Tanah Melayu, dalam tahap kedua-UMNO telah mengariskan tujuan yang berbeza dengan tahap pertama iaitu:

'bertujuan untuk menjalankan iktiar dan langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan yang memerintah dengan merdekaanya di Malaya'.⁷

UMNO selepas merdeka

Barisan Nasional ditubuhkan pada 1hb Jun 1974 dan telah sedikit sebanyak merapatkan hubungan kaum yang renggang akibat rusuhan 13 Mei 1969. Semua ini mencerminkan bahawa perpaduan adalah alat yang paling penting untuk memastikan Malaysia terus membangun dan rakyat hidup dalam keadaan harmoni.

Cadangan pergabungan parti politik ini ditimbulkan oleh Tun Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Jun 1972, di mana beliau mengatakan bahawa UMNO telah bersedia berkerja dengan mana-mana parti politik yang rela berkerjasama dengannya. Beliau kemudiannya menyuarakan cadangan secara jelas sebelum Hari Kemerdekaan yang ke 15 dan tindakan ini dianggap sebagai usaha untuk mengurangkan *politiking* dan memberi peluang supaya segala usaha boleh ditumpukan kearah pembangunan negara.

Pergabungan parti-parti politik merupakan suatu perkara biasa dalam dunia namun Tun Ghafar Baba berpendapat, penggabungan dalam komponen Barisan Nasional adalah suatu perkara unik yang tidak dapat dilihat di negara-negara lain.

Hari ini, Barisan Nasional telah memantapkan ‘pasukan’nya dengan disertai oleh 13 buah komponen yang bergabung dibawahnya, iaitu UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PPP, SUPP, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bansya Dayak Sarawak (PBDS), Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBR) dan Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar).⁷²

Pemuafakatan yang mewujudkan Barisan Nasional ini perlu untuk menstabilkan politik negara. Hakikat ini diakui oleh Presiden Parti Bansya Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie Irok yang menegaskan bahawa keistimewaan Barisan Nasional terletak pada tiang yang ditegakkan atas nama kestabilan politik. Menurut beliau setelah 25 tahun Malaysia di bawah Barisan Nasional, ternyata segala impian sebagai negara merdeka dan berdaulat dilestarikan.

Datuk Leo Moggie menjelaskan bahawa kestabilan politik dan keharmonian membolehkan kerajaan mengambil langkah tidak popular untuk mengeluarkan negara daripada kekalutan ekonomi baru-baru ini.

“Tidak dinafikan memang adanya perbezaan tetapi amalan sederhana dan tiadanya sikap ekstrem dalam Barisan Nasional menjadi faktor kestabilan politik dan kelangsungan pembangunan negara.”⁷³

Bagaimana pula dengan pandangan bangsa lain?

Menurut Tan Sri Lee San Choon, veteran politik yang berjuang dalam era kesemua empat Perdana Menteri berpandangan :

"Asasnya ialah dalam negara berbilang kaum kita mesti ada perpaduan demi kestabilan. Dengan itu, barulah kita dapat memajukan negara".⁷⁴

Falsafah perkongsian kuasa ini jugalah yang telah mengikis perasaan tidak selamat atau terancam (*insecure*) yang ada pada kaum-kaum di negara ini.

Pendapat beliau turut dipersetujui oleh Datuk Michael Chen, iaitu bekas Setiausaha Agung MCA, yang memberikan pandangannya:

"Saya fikir konsep Barisan Nasional sebagai sebuah entiti politik, sebagai sebuah falsafah politik akan terus digunakan di negara ini. Ia membawa keputusan yang baik dan membawa kestabilan. Generasi muda mungkin tidak tahu bagaimana sukaranya untuk konsep itu muncul tetapi mereka pada akhirnya memerlukan kerajaan yang stabil dan pemerintah yang baik. Akhirnya mereka perlukan ketenteraman politik".⁷⁵

Pendek kata, BN adalah parti yang terkemuka kerana mewakili hampir semua kelompok suku bangsa di sini. BN dilahirkan hasil cetusan fikiran setelah negara berada di bawah pemerintahan MAGERAN dan ketika sistem demokrasi digantung buat seketika.

Sebagai 'abang tua' kepada Barisan Nasional, UMNO telah menjalankan langkah-langkah yang wajar dan baik untuk mengukuhkan keadaan komponen parti ini. Kerjasama yang baik semasa pilihan raya telah membawa hasil, dan secara tidak langsung berupaya mengeratkan perpaduan kaum di kalangan kaum yang pelbagai di Malaysia.

UMNO telah melalui evolusi mengikut perkembangan dalam negara dan peredaran zaman. Beberapa kali perlumbagaan UMNO telah diubah bagi mengatasi masalah ini. Tunku Abdul Rahman telah meminta supaya kuasa Presiden diperkuuhkan untuk menjayakan perjuangan parti. Kali pertama pindaan dibuat

ialah untuk mengubah komposisi Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO supaya Setiausaha, Bendahari dan lima orang ahli MKT dilantik oleh Presiden bagi menentukan pentadbiran UMNO Pusat dikuasai oleh Presiden dan mudah bagi Presiden mendapat sokongan majoriti.⁷⁶

Buat kali kedua pula, perlembagaan digubal untuk menguatkan lagi kuasa UMNO pusat. Jelas disini, bahawa pindaan kepada Perlembagaan UMNO dibuat oleh Majlis Tertinggi dari masa ke semasa untuk memenuhi perjuangan UMNO. Termyata, semua ini perlu untuk negara dan bangsa kita yang berada di abad ke-21. Persiapan ke arah itu sudah pun diasaskan oleh kepimpinan yang ada sekarang.⁷⁷

Masalah yang ingin saya ketengahkan ialah perihal saat genting apabila UMNO tidak diiktiraf dari segi perlembagaan. UMNO menjadi tulang belakang Perikatan yang kemudian digelar sebagai Barisan Nasional. Hukuman bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal, ini termasuk pembatalan pendaftaran UMNO.

Mengheret UMNO ke mahkamah dan mencemarkan parti itu ialah satu perkara yang dahulunya tidak pernah terlintas di hati sanubari ahli-ahli UMNO. UMNO sememangnya mempunyai cawangan-cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, tetapi ini tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya. Mereka menyelesaikan masalah pencabulan perlembagaan parti melalui jentera parti seperti Biro Disiplin dan Majlis Tertinggi. Walaupun berlaku perselisihan saham, mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO, namun segelintir penyokong UMNO yang

membelakangkan parti kerana bagi mereka yang utama ialah kepentingan politik diri mereka. Miskipun, parti porak peranda, tidak menjadi hal bagi kumpulan ini kerana yang penting ialah mereka berpeluang merobut kepimpinan parti.

Akhirnya, mahkamah menghukum seluruh UMNO tidak sah dan mereka dengan mudah menerima keputusan mahkamah ini dan tidak membuat rayuan kepada Mahkamah Agong supaya dibatalkan keputusan ini. Sebaliknya dengan pantas mereka menubuhkan 'UMNO Malaysia' untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan.

Perbalahan terus tercetus apabila ada pihak yang menyebabkan UMNO didakwa di mahkamah sehingga diharamkan, membelakangkan Majlis Tertinggi (UMNO, atas alasan itu mereka memilih orang yang tidak mengetuai Majlis Tertinggi mengetuai 'UMNO Malaysia' tajaan mereka. Malang bagi ahli-ahli UMNO, apabila UMNO yang dianjurkan tidak dapat didaftarkan kerana Pejabat Pendaftaran pertubuhan masih belum membatalan nama UMNO yang asal.⁷⁸

Dr. Mahathir Mohammed memohon supaya pendaftaraan baru pada 13 Februari 1988 dan diluluskan pada 15 Februari 1988.⁷⁹ Penggunaan perkataan (Baru) di hujung perkataan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu adalah hanya untuk menentukan urusan rasmi parti yang baru didaftar ini tidak dikelirukan dengan UMNO asal yang masih mempunyai harta yang perlu diambil alih oleh Pemegang Amanah Raya. Pembatalan pendaftaran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, tetapi kerana ianya dibawa ke mahkamah dan mereka tidak meneruskan tindakan mereka sehingga UMNO diharamkan.

Dengan penubuhan semula UMNO Baru, maka halangan undang-undang telah diatasi dan UMNO Baru terus bergerak menjadi UMNO seperti sediakala. Tidak wujud pada hakikatnya dan sesiapa yang boleh membuat fitnah, berpura-pura atau secara rasmi mendakwa UMNO tidak ada dan perlu dihidupkan semula. UMNO tidak mati dan hanya pendaftaranya sahaja tergugat buat sementara dan segala usaha menghapuskan UMNO telah gagal.⁸⁰

UMNO kini memasuki satu era baru, yang menekankan kepentingan diri sendiri yang melebihi kepentingan parti. Melahirkan dan mengukuhkan UMNO ialah semangat dan bukan wang ringgit. Di waktu UMNO dianggotai oleh orang-orang yang miskin belaka, UMNO telah berjaya menumpaskan British, namun kini pantas mereka cuba menujuhkan ‘UMNO Malaysia’ untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan. Semangat kerjasama tidak wujud lagi, malahan pertelingkahan yang berlaku menyebabkan pihak berkuasa terpaksa campurtangan.⁸¹

Pendapat seorang veteran Daud Ibrahim:

“Saya merayu kepada ahli-ahli UMNO supaya cintakan UMNO dan tidak orang-orang tertentu di dalamnya, termasuk saya... Jangan sekali-kali begitu sayang kepada seseorang sehingga sanggup UMNO dipecah-pecahan. Jangan personality cult dan parochialism dalam UMNO. Cuma yang boleh diberi kepada mereka yang menawar diri ialah mandat untuk menjalankan tugas, dan untuk maksud itu, kita berdiri teguh di belakang mereka”.⁸²

Kesimpulannya ialah UMNO yang telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 merupakan parti politik yang paling berkaliber lahir daripada cetusan rasa tidak puas hati orang Melayu; ianya terus mantap bergerak seiring dengan politik Malaysia. Miskipun pelbagai onak dan duri ditempuhi termasuk baru-baru ini

semasa Pilihan Raya 1999, namun semua ini tidak pernah menjelaskan imej dan matlamat sebenar UMNO.

Melalui buku *UMNO TUNGGAK PERPADUAN MELAYU* telah memuatkan ucapan-ucapan penting pemimpin UMNO termasuk teks ucapan Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang berjudul *Perjuangan UMNO Menuntut Kemerdekaan*.

"Tiada pernah orang-orang Melayu bersatu di bawah satu ketuanya dan satu panji-panji melainkan iulah dengan yang dimulakan oleh Dato' Yang Berhormat. Ini satu pujian kepada Dato' Onn yang akan diingati dan akan disebut-sebut dengan kenang-kenangan yang baik oleh turun temurun kita. Sekarang jawaran itu diserahkan kepada saya dan saya memohon kepada ALLAH menolong saya."

"Saya hanya mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini. Padahal dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat Melayu adalah berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati da beratus-ratus ribu tangan dikumpulkan menjadi satu untuk mendapatkan faedah-faedah dan mencapai cita-cita kita itu."

"Dengan jalan bersatu di dalam pertubuhan ini, insya – Allah mudah-mudahan Tuhan akan memberi pertolongan dan makbulkan segala cita-cita umat Melayu."⁸³

Daripada petikan ini, satu kesedaran asas dapat diungkap iaitu betapa pemimpin-pemimpin UMNO telah berusaha membela nasib dan kedudukan orang Melayu di dalam negara Malaysia ini.

NOTA HUJUNG

1. Shaharom Hussein, *Biografi politik Dato Omm Jaafar*, Petaling Jaya , Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 200
2. Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 109.
Lihat Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 109 (bab 5), Radin Soenarno- *Malay Nationalism, 1896- 1947*, dan pelbagai buku berkenaan
3. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 109
4. Radin Soenarno, 1960, "Malay Nationalism 1900-1945", dalam *JSEAH*, No. 1, Mac, hlm. 11. Inche Mohammad Eunos bin Abdullah telah dilahirkan di Teluk Belanga pada 1876, berpendidikan Melayu dan kemudian mendapat pendidikan Inggeris di Raffles Institution di Singapura. Beliau pernah berkhidmat sebagai kerani, Master Attendant's office; Harbour Master dan Post Master di Muar, Johor. Setelah meletakkan jawatan beliau berkhidmat dengan Utusan Melayu di Singapura, pada 1922 berkhidmat dengan Lembaga Melayu. Pada tahun yang sama, beliau berkhidmat sebagai 'Municipal Concillor'. 2 tahun kemudian dinaikkan pangkat sebagai orang Melayu pertama memegang jawatan sebagai 'Straits Settlement Legislative Council.'
5. Kesatuan Melayu Singapura ditubuhkan atas kesedaran beliau dengan sikap orang Melayu yang menubuhkan kelab berbentuk sosial, tetapi tidak berbaur politik. Oleh itu, dengan sokongan Tengku Abdul Kadir J P dan Inche Embuk Suloh J P menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (*Singapore Malay Union*) pada 14 Mei 1926.
6. *Ibid.*, hlm. 11.
7. Ini mengambil kira rasa protes sejak zaman Kesultanan Melaka, berlarutan apabila kemasukan British melalui Perjanjian Pangkor 20 Januari 1876. Pendudukan dan pemerintahan British ke Tanah Melayu dianggap sebagai sesuatu yang unik kerana telah melahirkan bibit semangat kebangsaan. Lihat: Norazit Selat, Dato' Hashim Awang, Nor Hisham Osman- *Meniti zaman Masyarakat Melayu antara traditional-modern, Ismail Hamid- Masyarakat dan budaya Melayu*, I. K. Agustja, *Sedjarah dan perjuangan di Malaya*, R. Emerson- *Malaysia*, Nordin Selat- *Kelus Menengah Pentadbir Melayu, satu kajian gaya hidup*, Khasnor Johan - *Educated the Malay Elite*, The Malay College Kuala Kangsar 1905-1941, W. R. Ross- *Nationalisme Melayu*.
8. *Ibid.*, hlm. 3.
9. W. R. Ross, *Nationalisme Melayu* (terjemahan Ahmad Boestamam), Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 144.
10. Radin Soenarno, *op. cit.*, him. 12.
11. *Ibid.*, hlm. 14.
12. *Ibid.*, hlm. 15.
13. Ramlah Adam, *Kemelut Semenanjung Tanah Melayu*, *op. cit.*, hlm. 110.
14. Profesor Ramlah Adam berpendapat tahap 1 (1941-1945) memperlihatkan kegiatan nasionalisme yang lebih matang, berikutan peranan golongan radikal Melayu yang lebih menonjol. Tahap ini menyaksikan gerakan ini menggunakan unsur tempatan dan rangka politik tempatan, menuju kearah pembentukan satu identiti kebangsaan.
15. *Ibid.*, hlm. 110.

-
14. Inson Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussain, Kebagkitan Nasionalisme Melayu sebelum UMNO*, Dewan Bahasa dan Pustaka , Kuala Lumpur, 1999, hlm. 195-196.
 - 15 Ramlah Adam, *Kemelut Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 110.
 16. *Ibid.*, hlm. 111.
 17. *Ibid.*, hlm. 112.
 18. *Ibid.*, hlm. 113.

Kerjasama kedua-dua pihak ini semacam kemenangan golongan kiri. Walaubagaimana pun perasaan yang lebih menebal hingga di sanubari golongan radikal, yang beranggapan Merdeka bersama Indonesia, sebagai asas kepada konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya, ianya satu wawasan politik yang ingin menggabungkan seluruh kepulauan Melayu atau Nusantara dalam satu konfederasi yang besar tanpa memikirkan sempadan politik. Semangat ini sebenarnya telah dipupuk oleh Jepun melalui medium akhbar seperti *Berita Malai*, *Semanigat Asia* dan *Fajar Asia*. Lihat Ramlah Adam, *Kemelut Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 14.

- 19 Sanib Said, *Malay politics in Sarawak 1946-1966, the search for unity and political As Cendrancy*, OUP, Singapore, 1985, hlm. 28.
20. Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu moden*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 180.
21. Ramlah Adam, *Kemelut Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 1.
22. *Ibid.*, hlm. 1.

Gerakan nasionalisme daripada tahun 1941-1957 memperlihatkan gerakan untuk mempertahankan kursus politik orang Melayu daripada di ambil anak dagang yang ada potensi ekonomi dan diberi peluang oleh penjajah.

23. Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hlm. 190.

Tujuan *Malayan Union* di perkenalkan:-

- a.mengadakan satu sistem pentadbiran yang seragam bagi negeri-negeri Melayu yang tepecah kepada berbagai unit seperti negeri Melayu Bersekutu (NMB), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) dan Negeri-negeri Selat (NNS).
- b.Menyediakan Tanah Melayu ke arah kerajaan sendiri dan kemerdekaan.
- c.Menjadikan Tanah Melayu pusat pertahanan British di Asia Tenggara.
- d.Membalik sistem ekonomi terutama pelaburan dalam perindustrian getah kerana Amerika Syarikat mula memberi perhatian di dalam bidang tersebut.
- e.Mewujudkan perusuan setia dan nasionalisme kepada Tanah Melayu dikalangan penduduknya.
- f.Membalas dendam kepada orang-orang Melayu kerana menyokong pentadbiran Jepun pada tahun 1942-1945.

Lihat: Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 43, Mohd. Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation, UMNO 10 tahun*, Kuala Lumpur.

24. *Ibid.*, hlm. 190.

25. *Ibid.*, hlm. 190.

26. Ramlah Adam, *Kemelut Semenanjung Tanah Melayu*, hlm.

Lihat Ishak Tadin, 1960, "Dato Onn and Malay Nationalism, 1946-1951" dalam *JSEAH*, JLD. 1, No. 1, Mac.

- 27 .Mohd Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore separation-political unification in the Malaysia region, 1945-1965*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur., 1974, hlm. 18.

28. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 3.

29. *Hidup Melayu, a Brief Review of Recritions of Malay Nationalisme*, Department of Malayan Union League of Perak. Ipoh, hlm. 8.

30. Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 14.

- 31 Adnan Haji Nawang, *Somes Notes on Pelita Malaya*, dalam *Jurnal Sejarah*, hlm. 189.

32. *Hidup Melayu*, hlm. 8.

33. Ramlah Adam, *UMNO: organisasi dan kegiatan 1945-1951*, Mohd Nawi Book Store, Kelantan , 1978, hlm. 20-23.

34. Ramlah Adam, *op. cit.*, hlm. 16.

35. *Ibid.*, hlm. 31.

36. John Funston Neil, "Malay politics in Malaysia, 1945-1969, A Case Study of the United Malays National Organisation and the Pan Malaya Islamic party", Tesis Master Fakulti Sastera dari Monash University, March 1973, hlm. 27.
37. Ramlah Adam, *op. cit*, hlm. 3
- Dato' Onn telah dibantu oleh PMSJ (Pergerakan Melayu Semenanjung Johor), Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor telah berjaya mengadakan persiapan bagi melancarkan Kongres, merancang dasar Kongres 1946.
38. *Ibid*, hlm. 3
- Dato' Onn mencadangkan Kongres ini diadakan di Melaka, kerana elemen sejarah kawasan, cadangan itu terpaksa dibatalkannya kerana Kesatuan Melayu Melaka kekurangan kakitangan. Dato' Onn telah meminta Persatuan Melayu Selangor (PMS) mengendalikannya, dibawah pimpinan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) mengendalikannya. Dengan dibantu oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor, pimpinan Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Selangor) maka satu mesyuarat diadakan bagi membincangkan agenda Kongres pada 28 Februari 1946. Surat kehenaran untuk mengadakan Kongres diberikan pada 30 Februari 1946, beberapa orang mata-mata gelap dan polis telah dihantar oleh British.
39. *Hidup Melayu*, hlm. 8.
40. Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan kegiatan, 1946-1951*, hlm. 44.
- Kongres ini diadakan sebanyak tiga kali, Kongres pertama diadakan pada 1938 di Singapura, kedua di adakan di Kuala Lumpur- 1939, ketiga pula telah dirancang di Ipoh tetapi gagal kerana tercessusnya perang.
41. Ramlah Adam, *Titian*, Dr. Burhanuddin Al Helmy, kajian mengenai kegiatannya dalam PKMM, 1946-1948, hlm. 16-17.
42. Ramlah Adam, *UMNO organisasi dan kegiatan 1945-1951*, hlm. 18.
43. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 18
44. *Ibid*, hlm. 8.
45. *Ibid*, hlm. 8.
46. Anwar Abdullah, *Dato' Onn*, Percetakan Abadi, Petaling Jaya, 1971. hlm. 3.
47. Ramlah Adam, *Sumbanganmu Di kenang*, Dewan Bahasa dan Pustaka , Kuala Lumpur, 1999, hlm. 9-12.
48. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 18.
49. *Ibid*, hlm. 26.
- Perbincangan yang jitu diadakan pada 18 Julai 1946 dan Dato' Onn menghadiri persidangan tiga segi membincangkan *Malayan union* di King's House, Kuala Lumpur. Ternyata Dato' Onn menggunakan sikap yang tegas dan degil untuk menentukan kedudukan yang baik bagi negeri-negeri Melayu.
50. *Ibid*, hlm. 17.
51. Ramlah Adam, *Titian*, hlm.25.
- Hartal yang dijalankan ialah tindakan mogok perdagangan perniagaan yang diseluruh negara, untuk membantah pentadbiran British. Ianya tidak begitu berjaya dan berkesan di singapura kerana ramai kaum buruh menganggotai PMFTU. Sambutan sederhana oleh peniaga Cina di Melaka, Ipoh, Kuala Lumpur dan tiada sokongan peniaga India.
52. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 19,
53. *Ibid*, hlm. 20.
- Perjanjian ini menunjukkan *status quo Negeri Melayu sebagai Negeri-negeri Yang Dilindungi* (*Protected Malay States*) telah diberi semula, Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua eksekutif dan perundungan Negeri Melayu, perlantikan Menteri dibuat, konsep Raja Berpelembagaan dilaksanakan, konsep Rakyat Raja dihidupkan semula disamping konsep Rakyat British, kuasa dan peruntukan pusat dan negeri disenaraikan dan tiap-tiap negeri mendapat perlembagaan bertulis bagi kali pertama dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu.
54. Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay politics, its origins and early development*, Pelanduk Publishing, Petaling Jaya, 1985, hlm. 126.
55. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 255.
- Lihat Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, A. Samad Idris, *20 Tahun Merdeka dan sebagainya*
56. *Ibid*, hlm. 256.

-
57. *Ibid.*, hlm. 258.
58. Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, hlm. 39.
59. *Ibid.*, hlm. 39.
60. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 66.
61. *Ibid.*, hlm. 126.
- Perlantikan Tunku Abdul Rahman oleh pihak British berikut kerjasama dengan British untuk menyekat pengaruh Dato' Onn dan UMNO, T.S. Adam daripada Parti Buruh telah menulis kepada Tunku Abdul Rahman, kawan rapatnya dan meminta Tunku dan UMNO Kedah menerima *Malayan Union*, tetapi ianya ditolak oleh Dato' Onn. (Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 12)
62. Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu moden*, hlm. 252.
63. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 266-274.
64. *Ibid.*, hlm. 274.
65. *Ibid.*, hlm. 275.
66. *Ibid.*, hlm. 277.
67. *Ibid.*, hlm. 278.
68. *Ibid.*, hlm. 280.
69. *Ibid.*, hlm. 281. Lihat J. P. Means, *Malaysian Politics Second Generation*, hlm. 175.
70. *Ibid.*, hlm. 282. Lihat K. J. Ratnam, *Paham Perkauman dan proses politik*, Bab 6.
71. Ramlah Adam, *UMNO : organisasi dan kegiatan, 1945-1951*, hlm. 44.
72. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
73. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
74. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
75. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
76. Wan Hashim Wan Teh, *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Melayu*, hlm. 4-5. Lihat Haji Ahmad bin Haji Samion, *Hidup UMNO*, hlm. 25.
77. *Ibid.*, hlm. 133.
78. *Ibid.*, hlm. 7
- Bagi membatalkan nama UMNO, Pendaftar Pertubuhan dikehendaki memberi notis tunjuk sebab atau 'show cause' kepada Setiausaha Agong UMNO mengapa pendaftaran UMNO tidak boleh dibatalkan. UMNO 88 yang ditaja oleh Majlis Tertinggi UMNO tidak boleh didaftarkan.
79. *Ibid.*, hlm. 8.
80. *Ibid.*, hlm. 8. Lihat Ahmad Atory Hussain, *Dimensi Politik Melayu 1980-1990*, untuk mengetahui tujuan UMNO Baru ditubuhkan.
81. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
82. *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1999.
83. A. Karim Haji Abdullah, *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu*, A.K. Media, Petaling Jaya, 1993, hlm.7.